

KUALA LUMPUR, 14 MEI (BERNAMA) -- HOTEL-HOTEL BESAR DI NEGARA INI MENERIMA PADAHNYA SEKARANG DI ATAS SIKAP DEGIL MEREKA MENAIKKAN KADAR SEWAAN BILIK, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA MUNGKIN TIDAK MENGHADAPI MASALAH YANG DIALAMI SEKARANG SEKIRANYA MENDENGAR RAYUAN KERAJAAN YANG MEMINTA SUPAYA MEREKA TIDAK MENAIKKAN KADAR SEWAAN BILIK DAHULU.

BELIAU BERKATA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH HOTEL-HOTEL SEKARANG ADALAH HASIL SIKAP TIDAK MAHU MENDENGAR RAYUAN KERAJAAN JANGAN MENAIKKAN KADAR KETIKA NEGARA KEKURANGAN BILIK HOTEL.

BERUCAP DALAM MAJLIS PENYIAPAN KERJA BANGUNAN HOTEL PAN PACIFIC KUALA LUMPUR DI PERKARANGAN PUSAT PERDAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI, BELIAU BERKATA APABILA KEADAAN EKONOMI TIDAK MENGIZINKAN, HOTEL-HOTEL MENGHADAPI KOS YANG TINGGI AKIBAT MEMPUYAI BILIK BERLEBIHAN.

AKIBATNYA, HOTEL-HOTEL BESAR DIDAPATI BERLUMBA-LUMBA CUBA MENURUNKAN KADAR SEWAAN UNTUK MENGURANGKAN KOS YANG TINGGI ITU.

PARA PEKERJA PULA CUBA MENDAPATKAN GAJI YANG LEBIH TINGGI ATAS ANGGAPAN BAHAWA KADAR SEWA BILIK YANG TINGGI TELAH MEMBERI KEUNTUNGAN YANG BESAR KEPADA HOTEL-HOTEL TEMPAT MEREKA BEKERJA.

+ AKIBATNYA RASALAH PADAHNYA SEKARANG.

+ KITA TELAH MEMINTA MEREKA

JANGAN MENAIKKAN BAYARAN APABILA NEGARA MENGHADAPI KEKURANGAN BILIK HOTEL, TETAPI TIDAK DIDENGARI.

+ RASALAH PADAHNYA, + UJAR PERDANA MENTERI.

BELIAU MENEGASKAN APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN SEMUANYA MEMPUYAI KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN GOLONGAN TERTENTU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SERI PACIFIC CORPORATION SDN BHD AKAN MEMPASTIKAN HOTEL PAN PACIFIC KUALA LUMPUR MENGENAKAN KADAR SEWAAN BILIK YANG SEDERHANA BAGI MENARIK PELANGGAN MENGINAP DI HOTEL ITU.

BELIAU JUGA BERHARAP SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS), YANG MENJADI TUANPUNYA BERSAMA, AKAN BEKERJA KERAS UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN HOTEL ITU.

BELIAU YAKIN DENGAN USAHA GIGIH OLEH PIHAK-PIHAK BERKENAAN, HOTEL PAN PACIFIC KUALA LUMPUR AKAN DAPAT MENYAINGI HOTEL-HOTEL BESAR YANG SEDIA ADA DAN YANG AKAN DIBUKA DI IBUNEGARA TIDAK LAMA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SETERUSNYA BANGGA KERANA PIHAK KONTRAKTOR TELAH DAPAT MENYEMPURNAKAN KERJANYA MENGIKUT JADUAL.

HOTEL ITU DIJANGKA DISERAHKAN KEPADA PEMILIK PADA 30 SEPT. INI.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEDAR TENTANG ADANYA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR TEMPATAN YANG KURANG PUASHATI DENGAN TINDAKAN MEMBERIKAN KERJA-KERJA BESAR KEPADA KONTRAKTOR ASING.

MENJADIKAN BANGUNAN HOTEL PAN PACIFIC KUALA LUMPUR SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERKATA WALAUPUN IA PADA MULANYA MENGHADAPI KELEWATAN, TETAPI KERANA KEPAKARAN YANG ADA PADANYA, PEMBINAANNYA KINI SIAP MENGIKUT JADUAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT, DISEBABKAN KONTRAKTOR TEMPATAN MASIH MENGGUNAKAN CARA YANG LAMA DAN USANG, KERJA-KERJA MEREKA TERGENDALA DAN BANGUNAN TIDAK SIAP MENGIKUT JADUAL SEHINGGA ADAKALANYA KOS PEMBINAAN MENINGKAT DUA KALI GANDA.

PERDANA MENTERI GEMBIRA KERANA KONTRAKTOR TEMPATAN TELAH DAPAT, SEDIKIT SEBANYAK, MEMBAIKI KEKURANGAN DAN KINI DAPAT MENDIRIKAN BANGUNAN DENGAN CEKAP DAN KEMAS.

BELIAU BERKATA TIDAK BERGUNA BERCAKAP TENTANG PEMINDAHAN TEKNOLOGI BARU SEKIRANYA PIHAK-PIHAK TEMPATAN BERKENAAN BELUM BERSEDIA MENERIMANYA.

PERDANA MENTERI KEMUDIANNYA, DENGAN DIIRINGI OLEH Pengerusi Seri Pacific, Datuk Rahim Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Sanusi Junid dan pihak kontraktor, telah melawat sekitar bangunan